

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Lembaga Zakat Negeri Kedah ditubuhkan di bawah Enakmen 23, Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015 berperanan untuk menyediakan perancangan, pembangunan dan pengurusan bagi perkhidmatan kewangan sosial Islam bertaraf dunia berteraskan profesionalisme, integriti dan teknologi. LZNK merupakan agensi yang di beri kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah untuk membuat kutipan dan agihan Zakat di negeri Kedah.

LZNK adalah komited untuk melindungi privasi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 Malaysia.

Polisi ini menggariskan cara LZNK mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, menyusun, mengubah, menzahirkan, menggunakan dan memusnahkan data peribadi anda berhubung dengan urusan Kutipan Zakat dan Agihan Zakat di LZNK (kemudian ini dirujuk sebagai “memproses”).

“LZNK” atau “kami” dalam Polisi ini merujuk kepada ibu pejabat LZNK dan cawangannya di Negeri Kedah Darul Aman.

1. APAKAH DATA PERIBADI?

“Data Peribadi” merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu, yang dikenal pasti atau dapat dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain yang dimiliki oleh LZNK, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pendapat yang dinyatakan tentang individu tersebut.

“Data Peribadi Sensitif” merujuk sebagai maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang individu, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya dan kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perlindungan data peribadi melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

2. PEMBERITAHUAN DAN PERSETUJUAN

Apabila anda meminta maklumat atau menggunakan perkhidmatan LZNK, anda mungkin dikehendaki memberikan data peribadi anda kepada LZNK. Dengan berbuat demikian, anda bersetuju dengan penggunaan data peribadi anda oleh LZNK menurut Polisi ini. Data peribadi anda juga mungkin telah dikemukakan kepada LZNK oleh pihak ketiga (contohnya, oleh pasangan anda, syarikat di mana anda merupakan pengarahnya, pegawai atau pemegang saham, atau perkongsian di mana anda merupakan rakan kongsi) untuk perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak ketiga berkenaan daripada LZNK. Dalam konteks ini, terma “anda” dalam Polisi ini juga akan digunakan bagi mana- mana individu yang mana data peribadinya telah dikemukakan kepada LZNK dan/atau telah diperolehi menerusi kaedah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4 Polisi ini.

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan data peribadi anda atau menarik balik persetujuan anda untuk membenarkan LZNK memproses data peribadi anda. Walau bagaimanapun, kegagalan memberikan data peribadi tersebut atau tindakan anda menarik balik persetujuan anda untuk memproses data peribadi yang diberikan mungkin mengakibatkan LZNK tidak dapat menyediakan perkhidmatan kepada anda secara berkesan dan berterusan.

3. APAKAH JENIS DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPUL?

Jenis data peribadi yang kami kumpul termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat perhubungan, umur, pekerjaan, status perkahwinan, maklumat kewangan, kad pengenalan, passport, tempat lahir dan sejarah urusan transaksi anda.

Kami mungkin mengumpul data peribadi sensitif anda jika anda berurusan dengan LZNK yang menghendaki anda supaya mendedahkan data peribadi sensitif tersebut kepada pihak kami

Kami hanya akan menggunakan data peribadi sensitif anda untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh anda sahaja. Jika kami memproses data peribadi sensitif anda, kami akan mendapatkan persetujuan anda terlebih dahulu.

Data peribadi yang kami kumpul boleh dikategorikan sebagai sama ada wajib diberikan atau diberikan secara sukarela. Data peribadi yang wajib diberikan ialah data peribadi yang kami perlukan supaya kami dapat menyediakan perkhidmatan kami kepada anda. Jika anda tidak memberikan data peribadi tersebut, kami tidak akan dapat menyediakan perkhidmatan kami kepada anda. Keperluan data peribadi yang diberikan secara sukarela ialah data peribadi yang tidak wajib diberikan bagi membolehkan kami menyediakan perkhidmatan kami kepada anda. Jika anda tidak memberikan data peribadi tersebut, anda masih boleh menggunakan perkhidmatan kami.

Data peribadi yang wajib diberikan atau diberikan secara sukarela adalah berbeza-beza mengikut setiap perkhidmatan yang kami tawarkan.

4. BAGAIMANAKAH KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI ANDA?

Kami memperoleh data peribadi anda dengan pelbagai cara, seperti:

- Apabila anda menggunakan salah satu daripada perkhidmatan yang kami sediakan.
- Apabila anda menghubungi LZNK menerusi pelbagai kaedah seperti borang permohonan, e-mel dan surat, panggilan telefon serta perbualan anda dengan pusat panggilan kami.
- Jika anda menghubungi kami atau kami menghubungi anda melalui telefon, kami mungkin memantau atau merekodkan panggilan telefon tersebut untuk tujuan jaminan kualiti, latihan dan keselamatan.
- Daripada analisa yang kami lakukan terhadap transaksi anda.
- Kami juga mungkin memperoleh data peribadi anda apabila anda menyertai kaji selidik pelanggan atau apabila anda mendaftar diri untuk mana-mana peraduan atau promosi kami.
- Apabila kami memperoleh apa-apa data dan maklumat daripada pihak yang diberi kuasa (contohnya, agensi kawal selia, dan penguatkuasaan yang dibenarkan).
- Apabila kami memperoleh apa-apa data dan maklumat dari pihak ketiga.
- Apabila anda memeterai sebarang transaksi komersial dengan LZNK, termasuk tetapi tidak terhad, bagi menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan atau perkhidmatan profesional anda.
- Laman sesawang dan media sosial LZNK yang lain.
- Daripada sumber-sumber umum.

5. APAKAH TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI ANDA?

Kami mungkin memproses data peribadi anda untuk sebab berikut:

- Merekod dan menyelenggara transaksi bayaran zakat atau apa-apa kemudahan perkhidmatan pembayaran yang disediakan oleh LZNK.
- Menilai permohonan anda untuk mana-mana perkhidmatan kami.
- Mengurus dan menyelenggara akaun dan kemudahan anda.
- Menilai keperluan kewangan anda dan meneruskan pelaksanaan obligasi kontrak yang diikat antara LZNK dengan diri anda.
- Menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian.

- Fungsi dalaman seperti menilai keberkesanan pemasaran, penyelidikan pasaran, analisa dan pemodelan statistik, pelaporan, pengurusan audit dan risiko serta mencegah penipuan.
- Menyerahkan data kepada organisasi/ pertubuhan/ syarikat yang diberi kebenaran oleh LZNK untuk menyediakan perkhidmatan atau menyerahkan agihan berbentuk wang, barang-barang keperluan, kursus, latihan dan lain-lain yang berkaitan bagi tujuan manfaat kepada anda.

Selain itu, kami juga mungkin menggunakan data peribadi anda untuk memenuhi apa-apa keperluan kawal selia dan untuk apa-apa sebab lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan yang anda perlukan.

6. KEPADA SIAPAKAH KAMI MENDEDAHKAN DATA PERIBADI ANDA?

Data peribadi anda yang kami pegang akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan kami menyediakan perkhidmatan kepada anda secara berkesan dan berterusan serta mematuhi apa-apa keperluan undang-undang dan peraturan, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak seperti berikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh LZNK:

- Penolong Amil, ejen kutipan zakat dan penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami untuk pelaksanaan beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti kami.
- Pusat Haemodialisis Zakat Kedah untuk fungsi rawatan kesihatan.
- Pertubuhan / syarikat yang ditubuhkan oleh LZNK.
- Agensi ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk penyaluran sebarang bentuk bantuan.
- Organisasi/ syarikat/ individu bekerjasama bersama LZNK untuk penyaluran agihan zakat atau sebarang bentuk bantuan.
- Universiti/ pusat pengajian tinggi untuk tujuan penyelidikan dan inovasi.
- Rakan kongsi strategik dan penasihat atau konsultan kami.
- Firma guaman yang dilantik oleh LZNK.
- Institusi/ syarikat kewangan untuk penyaluran agihan zakat, wakalah agihan zakat dan lain-lain urusan perbankan.
- Organisasi/ syarikat media cetak dan media digital untuk tujuan publisiti hebahan pembayaran zakat dan agihan zakat.
- Agensi penguatkuasaan, kawal selia dan kerajaan, seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada pihak berkuasa kawal selia.
- Pihak yang diberi kebenaran oleh anda.

Anda mungkin menerima maklumat pemasaran daripada pihak kami atau entiti lain tentang perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Jika anda berhasrat untuk tidak mahu menerima maklumat ini, sila maklumkan kepada pihak kami untuk menarik balik persetujuan anda dan kami akan berhenti memproses dan berkongsi data peribadi anda dengan entiti lain untuk tujuan penghantaran maklumat kepada anda.

Anda mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan anda untuk menerima bahan/maklumat pemasaran atau promosi. Anda boleh menghubungi kami melalui talian atau laman sesawang.

Sila ambil maklum bahawa sebaik sahaja kami menerima pengesahan tentang permintaan untuk menarik balik persetujuan anda untuk menerima bahan/maklumat pemasaran atau promosi, ia mungkin mengambil masa sehingga empat belas (14) hari bekerja sebelum penarikan balik persetujuan anda dipaparkan dalam sistem kami. Oleh itu, anda mungkin masih menerima bahan/maklumat pemasaran atau promosi semasa tempoh tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa walaupun anda memilih untuk tidak lagi menerima bahan pemasaran atau promosi, LZNK mungkin masih menghubungi anda untuk tujuan lain selain pemasaran atau promosi seperti urusan berkaitan akaun, kemudahan atau perkhidmatan sedia ada LZNK yang digunakan oleh anda.

Jika anda telah mengemukakan data peribadi pihak ketiga kepada LZNK, sila pastikan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran daripada pihak ketiga yang berkenaan untuk pemprosesan dan pendedahan data peribadi mereka dan Polisi ini telah dikemukakan terlebih dahulu untuk perhatian pihak ketiga tersebut.

7. BAGAIMANAKAH KAMI MELINDUNGI DATA ANDA?

Keselamatan data peribadi anda merupakan keutamaan kami. LZNK mengambil semua langkah fizikal, elektronik, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi. Jika kami mendedahkan apa-apa data peribadi anda kepada pihak-pihak yang dinyatakan di dalam Seksyen 6, mereka mempunyai obligasi untuk melindungi data peribadi yang diberikan kepada mereka sewajarnya.

8. BERAPA LAMAKAH KAMI BOLEH MENYIMPAN DATA PERIBADI ANDA?

Kami akan menyimpan data peribadi anda dalam tempoh **1 hingga 7 tahun**, selaras dengan **Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am** yang diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia. Tempoh penyimpanan ini berdasarkan tujuan pengumpulan data, pematuhan keperluan undang-undang dan peraturan, serta keperluan dalaman LZNK.

Bagi data peribadi individu yang telah meninggal dunia, data tersebut akan dilupuskan dalam simpanan kami setelah mencapai tempoh penyimpanan maksimum **7 tahun**.

9. HAK AKSES, PERMOHONAN PEMBETULAN DAN PERTANYAAN

- i. Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang yang berkenaan, anda boleh pada bila-bila masa selepas ini memohon akses kepada, atau untuk pembaikan dan pembetulan Data Peribadi atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, atau memohon maklumat lanjut daripada LZNK dengan menghubungi dan menghantar permintaan anda secara bertulis kepada alamat berikut:

Alamat:	Lembaga Zakat Negeri Kedah Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman
Pegawai Wakil:	Pegawai Perlindungan Data Peribadi LZNK
Nombor telefon:	1800 88 1740
E-mel:	dpo@zakatkedah.com.my

- ii. LZNK mempunyai hak untuk menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan atas alasan-alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang atau dalam situasi di mana LZNK tidak dapat memastikan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta bersifat komersial dan sulit. Namun demikian, LZNK akan memaklumkan anda akan sebab-sebab kenapa kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

10. PERUBAHAN PADA POLISI INI

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin mengemas kini Polisi ini dari semasa ke semasa. Jika terdapat perubahan ketara pada Polisi ini, kami akan memberitahu anda dengan memaparkan notis tentang perubahan tersebut melalui laman sesawang dalam jangka masa yang difikirkan sesuai oleh kami. Kami menggalakkan anda untuk kerap melawati laman sesawang LZNK dari semasa ke semasa untuk sentiasa maklum tentang cara kami melindungi maklumat anda.

Notis Perlindungan Data Peribadi ini kali terakhir dikemas kini pada **29 Julai 2025**

11. VERSI BERKUATKUASA

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau konflik di antara Notis Perlindungan Data Peribadi versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Melayu akan didahulukan dan dikuatkuasakan.